



Perutusan Pengerusi

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Alhamdulillah dan bersyukur kehadiran Allah S.W.T. kerana dengan izinnya saya berkesempatan sekali lagi untuk melaporkan aktiviti, kegiatan dan pencapaian Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim sepanjang tahun 2006, bagi mematuhi Seksyen 17 Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 1959.

Secara keseluruhan aktiviti-aktiviti Suruhanjaya bagi tahun 2006 ini telah dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan sempurna. Sebagai contoh, bagi melaksanakan pengambilan jawatan Pegawai Tadbir Negeri Johor Gred N41, Suruhanjaya ini bersama INTAN Wilayah Selatan, Kluang telah menganjurkan kursus penilaian pra temuduga untuk memastikan calon-calon tersebut layak untuk ditemuduga. Keadah yang dibuat ini semata-mata untuk menghasilkan modal insan yang berkualiti dan dalam masa yang sama dapat membantu meningkatkan kualiti perkhidmatan awam di Negeri Johor.

Tahun 2006 adalah tahun perkhidmatan saya selama lebih kurang 10 tahun selaku Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor. Mengambil kesempatan ini saya mohon berbanyak maaf serta ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Kerajaan Negeri Johor Darul Ta'zim dan semua pihak yang terlibat di atas sokongan dan kerjasama yang erat kepada Suruhanjaya selama ini dalam melaksanakan tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan.

Saya selaku Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan semua ahli serta anggota pentadbiran Suruhanjaya ini turut merafak sembah menjunjung setinggi-tinggi kasih kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Baginda Sultan Johor di atas kepercayaan serta perhatian Baginda Tuanku yang mendalam terhadap Suruhanjaya ini.

Sekian, salam hormat dari saya,

DATO' IR. HAJI MOHD. DOM BIN SENTANU

Pengerusi

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

Johor


Piagam Pelanggan
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Johor Darul Ta'zim
Tahun 2006

Kami Kakitangan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim berikrar menjalankan tugas dengan penuh amanah, bertanggungjawab dan memberi komitmen dalam urusan berikut:

1. Memberi peluang yang adil dan saksama kepada semua pihak yang berkecenderungan memohon jawatan dalam pentadbiran Kerajaan Negeri Johor.
2. Menyelesaikan urusan pelantikan anggota perkhidmatan awam negeri Johor dalam tempoh dua (2) minggu dari tarikh akhir temuduga setiap jawatan.
3. Menyelesaikan urusan perkhidmatan anggota perkhidmatan awam negeri Johor sebagaimana tempoh masa berikut:
 - 3.1. Pengesahan Lantikan : 2 minggu
 - 3.2. Pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen : 6 minggu
 - 3.3. Permohonan Perlanjutan tempoh percubaan : 6 minggu
 - 3.4. Permohonan pelarasan gaji permulaan : 6 minggu
 - 3.5. Permohonan pertukaran perkhidmatan : 3 bulan
 - 3.6. Permohonan rayuan tatatertib : 6 minggu
 - 3.7. Permohonan rayuan kenaikan pangkat : 6 minggu

Carta Organisasi

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2006





**Pengerusi dan Ahli-Ahli
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Johor Darul Ta'zim
Tahun 2006**



Berdiri dari kiri:

Tuan Syed Ahmad Bin Abdullah, Tuan Haji Fadzil Bin Mohd. Noor, Tuan Haji Muzaldin Bin Mohamed (Setiausaha), Y.B. Dato' Ir Haji Mohd. Dom Bin Sentanu (Pengerusi), Tuan Haji A. Bakar Bin Arshat dan Y.B. Dato' Leong Hing Nin



**Pegawai dan Kakitangan
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Johor Darul Ta'zim
Tahun 2006**



Berdiri Dari Kiri (Belakang):

Cik Hajah Hamidah Binti A. Bakar, Cik Faridah Binti Abu Bakar, Puan Samsiah Binti Idrus, Puan Asnah Binti Kasimon

Berdiri dari Kiri (Hadapan):

Encik Jamaluddin Bin Ahmad, Encik Md. Esa Bin Baharom, Tuan Haji Muzaldin Bin Mohamed (Setiausaha), Encik Zulkifli Bin Abdul Fatah

LAPORAN TAHUNAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim Tahun 2006

1. Pendahuluan

Laporan Tahunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2006 disediakan sebagaimana mematuhi kehendak Seksyen 17 Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 1959. Laporan ini adalah keluaran yang ke 44 sejak Suruhanjaya ini ditubuhkan.

2. Fungsi

Mengikut seksyen 11 (1) Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 1959, Suruhanjaya bertanggungjawab melantik, mengesahkan, memasukkan ke dalam jawatan tetap atau ke jawatan berpencen, menaikkan pangkat, menukar dan menjalankan kawalan tatatertib ke atas setiap anggota perkhidmatan awam Negeri.

3. Keanggotaan Ahli-Ahli Suruhanjaya

Ahli-ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2006 adalah seperti berikut:

3.1. Pengerusi

Y.B. Dato' Ir. Haji Mohd. Dom Bin Sentanu DPMJ., SMJ., DSN., PPT., FIEM., P. Eng.

3.2. Ahli-Ahli:

Y.B. Dato' Leong Hing Nin PIS., PPT., BKT., PJK.

Tuan Haji A. Bakar Bin Arshat PIS., AMN., KMN.

Tuan Haji Fadzil Bin Mohd. Noor PLP., PIS II.

Tuan Haji Syed Ahmad Bin Abdullah SMJ.

4 Keanggotaan Urusetia Suruhanjaya:

Keanggotaan Urusetia Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim adalah seperti berikut:

Pegawai Tadbir Negeri Johor Gred N44

Tuan Haji Ramlee Bin A.Rahman – hingga 28.2.2006

Tuan Haji Muzaldin Bin Mohamed – mulai 1.3.2006

Penolong Pegawai Tadbir (Peg. Eksekutif) Gred N27

Hajah Hamidah Bte A. Bakar – hingga 31.8.2006

Encik Mohamad Bin Azis – mulai 1.9.2006

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Encik Md. Esa Bin Baharom

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Puan Asnah Bte Kasimon

Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17

Encik Zulkifli Bin Abd. Fatah

Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) Gred N11

Cik Faridah Binti Abu Bakar

Puan Samsiah Binti Idrus

Operator Mesin Prosesan Data Gred F11 (Kontrak)

Cik Nor Aisyah Bte A. Rahaman – mulai 17.7.2006

Pembantu Am Rendah Gred N1

Encik Jamaluddin Bin Ahmad

5. Peruntukan Kewangan

Peruntukan dan Perbelanjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2006 adalah seperti berikut:

Tanggungan (T.02)

Objektif Am	Peruntukan	Perbelanjaan	% Perbelanjaan
Emolumen	177,000.00	156,750.00	88.56%
Perkhidmatan & Bekalan	115,000.00	94,233.07	81.94%
Jumlah	292,000.00	250,983.07	85.95%

Bekalan (B.01)

Objektif Am	Peruntukan	Perbelanjaan	% Perbelanjaan
Emolumen	199,500.00	191,234.38	96.09%
Perkhidmatan & Bekalan	97,000.00	92,324.91	95.18%
Pemilikan asset	4,000.00	3,780.00	94.5%
Jumlah	300,000.00	287,339.29	95.77%

6. Aktiviti-Aktiviti Suruhanjaya

Aktiviti-aktiviti Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim bagi tahun 2006 seperti berikut:

6.1. Mesyuarat dan Temuduga

Mesyuarat Bulanan/Pengesahan	:	11 kali
Mesyuarat Pelantikan	:	12 kali
Mesyuarat Khas/Tapisan	:	7 kali
Mesyuarat Rayuan Kenaikan Pangkat	:	1 kali
Mesyuarat Rayuan Tatatertib	:	2 kali
Temuduga Jawatan Kosong	:	103 kali
Temuduga Pelanjutan Tempoh Percubaan	:	7 kali

6.2. Urusan Pelantikan

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor Darul Ta'zim telah menerima dan memproses sebanyak 18,421 permohonan untuk mengisi 20 jenis jawatan kosong disepanjang tahun 2006. Seramai 636 calon telah dipanggil temuduga bagi mengisi 12 jenis jawatan kosong manakala baki 8 jenis jawatan kosong akan dipanggil temuduga pada awal tahun 2007. Seramai 108 calon telah dilantik bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan tersebut seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Jumlah Mohon	Panggil T/duga	Jumlah Lantikan
	Kumpulan Pengurusan dan Profesional			
1.	Pegawai Tadbir (N41)	2,118	162	26
2.	Kurator (S41)	177	*	-
3.	Peg. Perkhid. Pendidikan Siswazah (DG41)	573	*	-
	Kumpulan Sokongan			
1.	Pen. Peg. Tadbir (Penghulu) (N27)	194	14	11
2.	Pen. Peg. Pertanian (G27)	249	*	-
3.	Juruteknik Perancang Bandar Gred (J17)	176	14	2
4.	Pelukis Pelan (J17)	1,025	38	3
5.	Pembantu Juruaudit (W17)	1,352	109	7
6.	Pembantu Pembangunan Masyarakat (S17)	6,018	*	
7.	Pembantu Penerbitan (N17)	953	*	-
8.	Peg. Khidmat Pelanggan (N17)	2,082	*	-
9.	Operator Mesin Perosesan Data (F11)	1,279	39	2
10.	Pemb. Rend. H.E. Islam (Bilal) (S11)	87	27	3
11.	Pengawas Hutan (G11)	292	28	8
12.	Penghantar Notis (N3)	716	12	9
13.	Pembantu Am Rendah (N1)	486	93	23
14.	Pembantu Am Rendah (Pembaca Al-Quran) N1	231	*	
15.	Tukang Masak (N1)	173	36	2
16.	Pembantu Am Rendah (N1)			
	i. Tukang Basuh	12	11	3
	ii. Tukang Gosok	9	8	1
	iii. Pelayan Istana	55	45	8
17.	Pengawal Keselamatan (KP11)	164	*	
	Jumlah	18,421	636	108

* Pengambilan tahun 2007

6.3. Pengesahan Dalam Perkhidmatan

Pada tahun 2006, seramai 148 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah disahkan dalam perkhidmatan setelah mendapat perakuan Ketua Jabatan, lulus peperiksaan yang disyaratkan dan lulus dengan jayanya Kursus Induksi. Jawatan-jawatan dimaksudkan seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Peg. Perkhid. Pendidikan Siswazah	DG41	40
2.	Peg. Hal Ehwal Islam	S41	2
3.	Pegawai Syariah	LS41	2
4.	Penolong Pegawai Tanah	NT31	1
5.	Pembantu Teknik	J29	2
6.	Penolong Pegawai Sistem Maklumat	F29	1
7.	Penolong Akauntan	W27	1
8.	Penolong Pegawai Tadbir (Peg. Eksekutif)	N27	2
9.	Penolong Pegawai Syariah	LS27	8
10.	Penolong Pegawai Hal Ehwal Islam	S27	1
11.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	2
12.	Pembantu Tadbir (P/Stor)	N17	2
13.	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17	12
14.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	6
15.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S17	7
16.	Pembantu Syariah	LS17	13
17.	Pembantu Pembangunan Masyarakat	S17	3
18.	Juruteknik	J17	6
19.	Juruteknik Perancang Bandar dan Desa	J17	1
20.	Pelukis Pelan	J17	2
21.	Pembantu Pertanian	G17	1
22.	Pembantu Veterinar	G17	1
23.	Renjer Hutan	G17	3
24.	Pengawas Hutan	G11	1
25.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	11
26.	Pembantu Tadbir Rendah (Pengawas Bangunan)	N11	1
27.	Operator Mesin Perosesan Data	F11	3
28.	Penghantar Notis	N3	3
29.	Pembantu Am Rendah	N1	9
30.	Tukang Masak	N1	1
	Jumlah		148

6.4. Pengesahan Dalam Perkhidmatan Dan Pemberian Taraf Berpencen:

Seramai 38 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diluluskan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf berpencen setelah mendapat perakuan daripada Ketua Jabatan, lulus peperiksaan yang disyaratkan atau dikecualikan daripada menduduki peperiksaan, lulus dengan jayanya Kursus Induksi serta membuat opsyen memilih skim berpencen, Jawatan-jawatan tersebut adalah seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Akauntan	W41	1
2.	Peg. Perkhid. Pendidikan Lulusan Diploma	DGA29	3
3.	Pembantu Teknik	J29	5
4.	Peg. Perkhid. Pendidikan Bukan Siswazah	DG27	3
5.	Pen. Peg. Pembangunan Masyarakat	S27	1
6.	Pen. Peg. Penyediaan Makanan	C27	1
7.	Juruteknik	J17	2
8.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S17	5
9.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	1
10.	Pembantu Makmal	C17	1
11.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	1
12.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	1
13.	Pembantu Tadbir Rendah (Pengawas Bangunan)	N11	1
14.	Pembantu Tadbir Rendah (Pengawas Kubur)	N11	1
15.	Pembantu Rendah Hal Ehwal Islam	S11	3
16.	Pengawas Hutan	G11	3
17.	Pembantu Am Rendah	N1	5
	Jumlah		38

6.5. Pemberian Taraf Berpencen:

Seramai 23 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diberi taraf berpencen setelah genap tiga (3) tahun perkhidmatan dengan membuat opsyen bagi memilih skim pencen seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Pembantu Teknik	J29	2
2.	Peg. Perkhid. Pendidikan Lulusan Diploma	DGA29	1
3.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S17	2
4.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	1
5.	Pembantu Tadbir Rendah (Bailif)	N11	1
6.	Pembantu Tadbir Rendah (Pengawas Bangunan)	N11	1
7.	Pengawas Hutan	G11	1
8.	Operator Mesin Prosesan Data	F11	4
9.	Pembantu Am Rendah	N1	10
Jumlah			23

6.6. Rayuan Lanjut Tempoh Percubaan:

Seramai 17 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diluluskan pelanjutan tempoh percubaan kerana gagal dalam peperiksaan atau gagal diperakukan oleh Ketua Jabatan. Anggota yang dimaksudkan terdiri seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Jumlah
1.	Penolong Pegawai Tanah	NT31	1
2.	Pembantu Teknik	J29	3
3.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)	N27	2
4.	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)	N17	1
5.	Juruteknik	J17	2
6.	Pembantu Veterinar	G17	1
7.	Pembantu Hal Ehwal Islam	S17	1
8.	Pengawas Hutan	G11	6
Jumlah			17

6.7. Pelarasan Gaji Permulaan:

Dalam tahun 2006 seramai 11 orang pelbagai jawatan perkhidmatan awam Negeri Johor telah mengemukakan permohonan pelarasan gaji permulaan. Seramai 7 orang daripadanya telah diluluskan pelarasan gajinya manakala 4 permohonan telah ditolak seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Mohon	Lulus	Tolak
1.	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah	DG41	2	2	
2.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)	N27	1	1	
3.	Penolong Pegawai Tanah	NT17	3		3
4.	Juruteknik	J17	2	1	1
5.	Pembantu Tadbir (P/Stor)	N17	2	2	
6.	Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip)	N11	1	1	
Jumlah			11	7	4

6.8. Pengecualian Mengikuti Semula Kursus Induksi:

Seramai 34 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor telah diluluskan pengecualian mengikuti semula Kursus Induksi dalam kumpulan yang sama seperti berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Lulus
1.	Peg. Perkhid. Pendidikan Lulusan Diploma	DGA29	5
2.	Peg. Perkhid. Pendidikan Bukan Siswazah	DG27	25
3.	Penolong Pegawai Tadbir (Penghulu)	N27	1
4.	Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N17	1
5.	Pembantu Tadbir (P/Stor)	N17	2
Jumlah			34

6.9. Permohonan Pertukaran Perkhidmatan Secara Tetap Dari Perkhidmatan Awam Persekutuan Ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor:

Seorang anggota Perkhidmatan Awam Persekutuan berjawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) Gred W17 telah diluluskan pertukaran secara tetap ke Perkhidmatan Awam Negeri Johor

Bil.	Jawatan	Gred	Lulus
1.	Pembantu Tadbir (Kewangan)	W17	1
	Jumlah		1

6.10. Permohonan Pertukaran Perkhidmatan Dari Perkhidmatan Awam Negeri Johor Ke Perkhidmatan Awam Persekutuan Secara Pinjaman/Sementara:

Seramai 2 orang anggota Perkhidmatan Awam Negeri Johor masing-masing berjawatan Pegawai Tadbir Negeri Gred N48 dan Pegawai Tadbir Negeri Gred N44 telah diluluskan pertukaran ke Perkhidmatan Awam Persekutuan secara pinjaman/semntara:

Bil.	Jawatan	Gred	Lulus
1.	Pegawai Tadbir Negeri	N48	1
2.	Pegawai Tadbir Negeri	N44	1
	Jumlah		2

6.11. Rayuan Tindakan Tatatertib:

Sebanyak 6 kes rayuan tindakan tatatertib telah ditolak dan Lembaga Rayuan mengekalkan hukuman yang telah dijatuhkan oleh Lembaga Tatatertib seperti maklumat berikut:

Bil.	Jawatan	Gred	Bil. Kes	Hukuman
1.	Pembantu Tadbir (Kew)	W17	1	Buang Kerja
2.	Pemandu Bermotor	R3	1	Buang Kerja
3.	Pembantu Am Rendah	R1	3	Buang Kerja
4.	Pembantu Am Pejabat	R1	1	Amaran
	Jumlah		6	

6.12. Pelantikan Setiausaha Kerajaan Johor/Pegawai Kewangan Negeri Johor:

Sebagaimana kehendak Fasal 6(1) Bahagian Kedua Undang-Undang Tubuh Kerajaan Johor 1895, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor hendaklah memberi perakuan pelantikan Setiausaha Kerajaan Johor dan Pegawai Kewangan Negeri Johor. Dalam tahun 2006 berlaku pelantikan jawatan-jawatan tersebut seperti berikut:

Nama	Jawatan	Tarikh Lantikan
Y.B. Datin Paduka Hajah Norsiah Bte Haron	Setiausaha Kerajaan Johor	10.1.2006
Y.B. Dato' Haji Ab. Latiff bin Yusof	Setiausaha Kerajaan Johor	20.10.2006
Y.B. Datin Paduka Zainon Bte Haji Yusof	Pegawai Kewangan Negeri Johor	10.1.2006

7. Aktiviti-Aktiviti Lain:

- 7.1. Majlis mengangkat sumpah Setiausaha Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor sepertimana kehendak seksyen 9(4) Undang-Undang Suruhanjaya Perkhidmatan Kerajaan Negeri Johor Bil. 4 Tahun 1959. Majlis ini diadakan sempena pelantikan Setiausaha baru pada 1.3.2006.



7.2. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Johor dengan kerjasama INTAN telah mengadakan Kursus Penilaian PRA Temuduga bagi Jawatan Pegawai Tadbir Negeri Johor Gred N41 pada 4 – 6 Ogos 2006 di INTAN Wilayan Selatan Kluang, Johor.



7.3. Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kakitangan Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor dan Majlis Perpisahan Penolong Pegawai Tadbir pada 5.11.2006:



PENGHARAGAN

Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri Johor
merakamkan setinggi-tinggi penghargaan
dan terima kasih kepada

Y.B. Setiausaha Kerajaan Johor,
Ketua-Ketua Jabatan Negeri Johor dan
semua pihak yangt terlibat

di atas kerjasama dan komitmen yang telah diberikan
sepanjang tahun 2006 bagi membolehkan Suruhanjaya ini
melaksanakan tugas dan tanggungjawab
dengan sempurna dan berkesan.

*Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
Negeri Johor Darul Ta'zim
JKR 35, Bukit Timbalan
80510 Johor Bahru
Tel: 07-2243652
Fax: 07-2234945
Web Site: www.johordt.gov.my/spaj*